

CHAIRMAN'S STATEMENT



TAN SRI CHENG HENG JEM
Chairman

On behalf of the Board of Directors, I hereby present the Annual Report and Audited Financial Statements of Parkson Holdings Berhad (“Company” or “Group”) for the 18-month financial period ended 31 December 2021.

FINANCIAL PERFORMANCE

The Company had on 4 June 2021, announced that it had changed its financial year end from 30 June to 31 December. Consequently, the current financial statements of the Group and of the Company are for a period of 18 months from 1 July 2020 to 31 December 2021. The comparative information which was prepared for the 12-month period from 1 July 2019 to 30 June 2020, is therefore, not comparable.

The retail industry has been going through a period of prolonged volatility. While factors such as changing consumer behaviour, increasing online shopping habits and challenging economic conditions are changing the way retailers operate, the unavoidable impact of the COVID-19 pandemic has added to the challenges.

Inevitably, people are beginning to adapt to the “new normal” under the pandemic, especially in China. Parkson China, the major contributor of the Group’s retailing operations, has shown improvement during the period under review in tandem with the reduced impact from COVID-19, tactical promotional activities, continuous efforts in expanding its income sources and optimising operating efficiencies. At the same time, the Group continues to adopt several cost control measures, such as reducing rental and operating costs, in order to ride through the challenging operating environment and strengthen its position.

During the period under review, our retailing operations in the Southeast Asian region have been affected with a series of lockdowns imposed and shuttered businesses amid the spiralling number of COVID-19 cases. Nevertheless, the Group witnessed a return of strong sales following the reopening of operations towards the final quarter of the reporting period. In the face of these unprecedented challenges, the Group has continuously taken pro-active measures in monitoring and assessing the viability of our stores and ventures, and optimising store productivity.

Under these challenging circumstances, the Group managed to deliver encouraging operating results. For the 18-month period from 1 July 2020 to 31 December 2021, the Group registered a revenue of RM4,820 million with an operating profit of RM482 million.

SIGNIFICANT CORPORATE DEVELOPMENT

During and subsequent to the end of the financial period, the issued share capital of the Company decreased from RM4,151,004,753 to RM2,160,579,753 resulting from the following:

- issuance and allotment of 25,000,000 and 30,000,000 new ordinary shares on 16 December 2021 and 2 March 2022 respectively, which had increased the issued share capital of the Company by a total of RM9,575,000 pursuant to the private placement; and
- reduction of RM2.0 billion of the issued share capital of the Company by the cancellation of the issued share capital which was lost or unrepresented by available assets pursuant to Section 116 of the Companies Act 2016 effective 27 December 2021.



PROSPECTS

The Group remains positive of the prospects of the retailing operations in **China** despite the repeated COVID-19 outbreaks, as the consumer market adapts to the new normal. The Group will continue to strive to improve consumer experience in order to fully capture potential opportunities provided by the Chinese retail market besides continuing to diversify the income sources, establish online and offline sales channels, and promote long-term sustainable development of its businesses.

On the **Southeast Asian** front, the containment of COVID-19 and inflationary pressures remain a concern. Notwithstanding these, the Group continues to focus its priorities on enhancing product offerings, optimising operational efficiency and productivity, carrying out tactical promotional activities as well as cost control management.

APPRECIATION

On behalf of the Board, I wish to extend my sincere thanks and appreciation to all our valued shareholders, customers, suppliers, financiers, business associates and Government authorities for their continued support, co-operation and confidence in the Group throughout these challenging times.

I also wish to express my deepest appreciation to our health authorities and all the frontliners for their huge sacrifices and tireless efforts to contain the COVID-19 pandemic and keep everyone safe these past 2 years.

I would like to convey my sincere appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution throughout the period. Last but not least, I would like to express my heartfelt thanks to our Management and staff for their dedication, commitment and contribution to the Group.

TAN SRI CHENG HENG JEM
Chairman

PENYATA PENERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan ini membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Parkson Holdings Berhad (“Syarikat” atau “Kumpulan”) bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Disember 2021.

PRESTASI KEWANGAN

Pada 4 Jun 2021, Syarikat telah mengumumkan penukaran tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun kepada 31 Disember. Sehubungan itu, penyata kewangan semasa Kumpulan dan Syarikat adalah bagi tempoh 18 bulan, iaitu bermula dari 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021. Maklumat perbandingan yang disediakan untuk tempoh 12 bulan dari 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020, dengan itu, tidak boleh dibandingkan.

Industri runcit berdepan dengan satu tempoh ketaktentuan yang berpanjangan. Faktor-faktor seperti perubahan tingkah laku pengguna, peningkatan tabiat membeli-belah secara dalam talian dan keadaan ekonomi yang mencabar turut mengubah cara peruncit beroperasi, namun impak yang tidak dapat dielakkan daripada pandemik COVID-19 menjadikan cabaran semakin hebat.



Ternyata, orang ramai semakin menyesuaikan diri dengan “normal baharu” ketika pandemik terutamanya di China. Parkson China, penyumbang utama operasi runcit Kumpulan, telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam tempoh kajian seiring dengan impak yang berkurangan daripada COVID-19, aktiviti promosi taktikal, usaha berterusan dalam mengembangkan sumber pendapatan dan mengoptimumkan kecekapan operasi. Pada masa yang sama, Kumpulan terus mengguna pakai beberapa langkah kawalan kos, seperti mengurangkan kos sewa dan operasi, dalam mengharungi persekitaran operasi yang mencabar dan mengukuhkan kedudukannya.

Semasa tempoh kajian, operasi runcit kita di rantau Asia Tenggara telah terjejas akibat beberapa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dan penutupan operasi perniagaan ketika kes COVID-19 mencanak tinggi. Namun begitu, Kumpulan menyaksikan hasil jualan yang kukuh berikutan pembukaan semula operasi menjelang suku akhir tempoh pelaporan. Dalam mendepani cabaran yang pertama seumpamanya, Kumpulan mengambil langkah proaktif secara berterusan untuk memantau dan menilai daya maju gedung dan usaha niaga kita sambil mengoptimumkan produktiviti gedung.

Di sebalik keadaan yang mencabar ini, Kumpulan berjaya mencatat hasil operasi yang memberangsangkan. Bagi tempoh 18 bulan, mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM4,820 juta dengan keuntungan operasi sebanyak RM482 juta.

PERKEMBANGAN KETARA DALAM KORPORAT

Semasa dan susulan berakhirnya tempoh kewangan, modal saham terbitan Syarikat berkurang daripada RM4,151,004,753 kepada RM2,160,579,753 berdasarkan perkara berikut:

- terbitan dan peruntukan 25,000,000 dan 30,000,000 saham biasa baharu masing-masing pada 16 Disember 2021 dan 2 Mac 2022, yang telah meningkatkan modal saham terbitan Syarikat berjumlah RM9,575,000 melalui pelaksanaan penempatan persendirian; dan
- pengurangan sebanyak RM2.0 bilion modal saham terbitan Syarikat dengan pembatalan modal saham terbitan yang hilang atau tidak diwakili oleh aset sedia ada mengikut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016 berkuat kuasa 27 Disember 2021.

PROSPEK

Kumpulan mengekalkan pandangan yang positif terhadap prospek operasi runcit di **China** walaupun COVID-19 merebak berulang kali, ketika pasaran pengguna menyesuaikan diri dengan kebiasaan atau normal baharu. Kumpulan akan terus berusaha menambah baik pengalaman pengguna bagi merebut sepenuhnya potensi peluang yang disediakan oleh pasaran runcit China di samping terus mempelbagaikan sumber pendapatan, memantapkan saluran jualan secara dalam talian dan luar talian, serta menggalakkan pembangunan mampan jangka panjang perniagaannya.

Di peringkat **Asia Tenggara**, usaha membendung penularan COVID-19 dan tekanan inflasi kekal menjadi satu kebimbangan. Namun begitu, Kumpulan akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan penawaran produk, mengoptimalkan kecekapan operasi dan produktiviti, menjalankan aktiviti promosi taktikal serta pengurusan kawalan kos.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan tulus ikhlas kepada semua pemegang saham, pelanggan, pembekal, pembiaya, rakan perniagaan dan pihak berkuasa Kerajaan atas sokongan, kerjasama dan keyakinan mereka yang berterusan kepada Kumpulan sepanjang tempoh mencabar ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkuasa kesihatan kita dan semua petugas barisan hadapan atas pengorbanan besar dan usaha gigih mereka untuk membendung pandemik COVID-19 dan memastikan keselamatan kita semua selama 2 tahun ini.

Saya ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan yang tidak ternilai sepanjang masa ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengurusan dan warga kerja atas dedikasi, komitmen dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

TAN SRI CHENG HENG JEM

Pengerusi

主席报告

我谨代表董事部，提呈百盛控股公司截至2021年12月31日，为期18个月的年度报告和经审核财务报表。

财务表现

本公司在2021年6月4日宣布，已将其财政年结束日从6月30日更改为12月31日。这样一来，本集团和本公司的现行财务报表是为期18个月，从2020年7月1日至2021年12月31日。因此，从2019年7月1日至2020年6月30日的12个月期间编制的比较信息将不具有可比性。

零售业经历了一段长时间的波动。各种因素，诸如消费者行为的改变，网上购物习惯的增加，以及挑战性的经济条件，都正在改变零售业者的营运方式，而新冠肺炎（“COVID-19”）流行病的肆虐所带来的不可避免的影响，让业者面对更大的挑战。

不可避免的，人们开始适应疫情下的“新常态”，尤其是在中国。本集团零售业务的主要贡献者中国百盛，在受检讨期间内，业务有所改善，配合COVID-19疫情的影响减少，策略性促销活动，继续致力于扩展收入来源，以及优化营运效率。与此同时，本集团继续采纳几项控制成本措施，诸如减少租金成本和营运成本，以便渡过具挑战性的营运环境和加强本身地位。

在受检讨的期间内，由于COVID-19确诊病例不断攀升，我们在东南亚地区的零售业务，受到了一系列封锁和关闭业务的影响。尽管如此，在本财务报告期的最后一个季度，随着业务重新开放，本集团见证到强劲的销售回升。在面对这些前所未有的挑战的情况下，本集团继续采取积极进取的措施，以监督及评估我们的门店和业务的切实可行性，以及优化店面的生产力。

在这些充满挑战的环境下，本集团仍带来令人鼓舞的业绩。从2020年7月1日至2021年12月31日的18个月内，本集团的营业额达到48亿2千万令吉，营运利润4亿8千2百万令吉。

重大的业务发展

在本会计时期期间及之后，由于下列因素，本公司的发行股票资本，从4,151,004,753令吉减少到2,160,579,753令吉：

- 分别在2021年12月16日及2022年3月2日，以私募配售发行25,000,000股以及30,000,000股的新普通股，使本公司的已发行的股票资本总共增加9,575,000令吉；以及
- 根据马来西亚《2016年公司法》第116条，通过取消已损失或没有可用资产代表的已发行股本，减少公司已发行股本20亿令吉，从2021年12月27日起生效。



展望

随着消费市场适应新常态，尽管COVID-19不断爆发，本集团仍看好中国零售业务的前景。本集团将继续致力于改善消费者经验，以便充分把握中国零售市场所提供的潜在机会；与此同时，继续多元化收入来源，建立线上和线下销售渠道，以及促进业务长期可持续性发展。

在东南亚，遏制COVID-19疫情和通货膨胀压力是令人关注的课题。尽管如此，本集团继续把焦点集中在加强产品的接受度，优化营运效率与生产力，推动策略性促销活动，以及进行成本控制管理。

鸣谢

我谨代表董事部，真诚感谢我们所有尊贵的股东，客户，供应商，金融机构，商业伙伴和政府机构，感谢他们在这个充满挑战的时期，继续给予本集团支持，合作及对本集团的信心。

我也要向卫生当局以及所有前线人员，在过去两年中，付出巨大的牺牲和不懈的努力，以遏制Covid-19的传播以及确保每一个人的安全，表达真诚感谢。

我也要真诚感谢董事们，在这期间，提供非常宝贵的指导，支持与贡献。最后，我要真心感谢我们的管理层与职员，对本集团作出奉献、承诺与贡献。

主席
丹斯里锺廷森